

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

AKU 403 - Perakaunan Kos

Tarikh : 5 November 1988

Masa : 9.00 pagi - 12.00 tengah
hari
(3 jam)

Jawab SEMUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan
daripada Bahagian B.

Baca semua soalan dengan teliti sebelum anda mula jawapan
anda.

BAHAGIAN A

Soalan 1 (34 markah)

Syarikat Perabot Olimpik (SPO) ialah sebuah firma tempatan yang mengkhusus dalam pengeluaran kerusi pejabat. SPO mengeluarkan dua jenis kerusi iaitu kerusi logam dan kerusi kayu. Bahagian jualan di SPM menjual kerusi-kerusi tersebut secara langsung kepada peniaga-peniaga perabut runcit. Kerusi-kerusi ini dibuat secara berasingan dalam dua baris pasangan (assembly line).

Keputusan operasi bagi suku tahun pertama dan belanjawan bagi tempoh yang sama diberi di Jadual 1. Belanjawan bagi tahun semasa berasaskan kepada andaian bahawa SPO akan mengekalkan syer pasarannya di dalam keseluruhan pasaran kerusi pejabat (kombinasi kerusi logam dan kayu). Satu laporan status yang disediakan menjelang akhir bulan kedua menunjukkan pendapatan operasi bagi suku tahun pertama berkemungkinan besar akan berada 45 peratus di bawah paras belanjawan. Ramalan ini didapati tepat. Pendapatan operasi SPO adalah lebih rendah daripada apa yang dianggarkan di dalam belanjawan walaupun volum industri bagi kerusi pejabat telah meningkat sebanyak 10 peratus lebih daripada yang dijangkakan semasa belanjawan disediakan.

Dalam suku tahun tersebut SPO telah mengeluarkan 55,000 kerusi kayu dan 25,000 kerusi logam. Kos bagi setiap baris pasangan diberi di Jadual 2. Kos piawai boleh ubah dan belanjawan kos tetap diberi di Jadual 3.

JADUAL 1 : Penyata Pendapatan Bagi Suku Tahun Pertama Bagi SPO

	Sebenar	Belanjawan	Varians
	-----	-----	-----
Jualan dalam unit			
Model kayu	60,000	50,000	10,000
	=====	=====	=====
Model logam	20,000	25,000	(5,000)
	=====	=====	=====
Hasil jualan			
Model kayu	\$630,000	\$500,000	\$130,000
Model logam	300,000	375,000	(75,000)
	-----	-----	-----
Jumlah jualan	\$930,000	\$875,000	\$ 55,000
	-----	-----	-----
Tolak kos boleh ubah			
Pengeluaran (kos piawai)			
Model kayu	\$480,000	\$400,000	\$(80,000)
Model logam	200,000	250,000	50,000
Jualan			
Komisyen	46,500	43,750	(2,750)
Elaun bagi hutang lapok	9,300	8,750	(550)
	-----	-----	-----
Jumlah kos boleh ubah (tidak termasuk varians pengeluaran boleh ubah)	\$735,800	\$702,500	\$(33,300)
	-----	-----	-----
Margin caruman	\$194,200	\$172,500	\$ 21,700
	-----	-----	-----
Tolak lain-lain kos			
Varians pengeluaran boleh ubah	\$ 49,600	\$ -	\$(49,600)
Kos pengeluaran tetap	49,200	48,000	(1,200)
Kos jualan dan pentadbiran tetap ..	38,500	36,000	(2,500)
Peruntukan dari pejabat pengurusan am	18,500	17,500	(1,000)
	-----	-----	-----
Jumlah lain-lain kos	\$155,800	\$101,500	\$(54,300)
	-----	-----	-----
Pendapatan operasi	\$ 38,400	\$ 71,000	\$(32,600)
	=====	=====	=====

JADUAL 2 : Kos Pengeluaran Sebenar

Bahan Mentah	Kuantiti	Harga	Model Kayu	Model Logam
Belian				
Kayu	60,000	\$5.65	\$339,000	-
Logam	30,000	\$6.00	-	\$180,000
Penggunaan				
Kayu	56,000	\$5.00	280,000	-
Logam	23,000	\$6.00	-	138,000
Buruh langsung				
9,300 jam @ \$6.00 sejam			55,800	
5,600 jam @ \$8.00 sejam				44,800
Overhed pengeluaran				
Boleh ubah				
Bekalan			43,000	18,000
Kuasa elektrik			50,000	15,000
Lain-lain			19,000	12,000
Tetap				
Penyeliaan			14,000	11,000
Susut nilai ...			12,000	9,000
Lain-lain			1,900	1,300

JADUAL 3 : Kos Piawai Boleh Ubah dan Belanjawan Kos Tetap

	Model Kayu	Model Logam
Bahan mentah	\$5.00	\$6.00
Buruh langsung		
1/6 jam @ \$6.00 sejam BL	1.00	-
1/4 jam @ \$8.00 sejam BL	-	2.00
Overhed boleh ubah		
1/6 jam @ \$12.00 sejam BL	2.00	-
1/4 jam @ \$8.00 sejam BL	-	2.00
Kos pengeluaran boleh ubah piawai seunit \$8.00		\$10.00
Kos tetap mengikut belanjawan setiap suku tahun		
Penyeliaan	\$13,500	\$10,500
Susutnilai	12,000	9,000
Lain-lain	1,800	1,200
Jumlah kos tetap	\$17,300	\$20,700

Dikehendaki :

1. Analisa sebab-sebab wujudnya \$32,600 varians negatif bagi pendapatan operasi. (25 markah)

2. Berasaskan kepada analisa anda:
 - (a) Tentukan sebab utama mengapa keuntungan sebenar kurang daripada yang diramalkan. (3 markah)

 - (b) Adakah pihak pengurusan SPO mengambil sebarang langkah untuk mengatasi masalah ini? (3 markah)

 - (c) Apakah langkah-langkah lain yang pihak pengurusan SPO dapat ambil untuk meningkatkan pendapatannya? (3 markah)

Soalan 2 (16 markah)

Syarikat Lewis Lens telah menamatkan ujian prestasi ke atas kamera barunya, model XR71. Pihak pengurusan sangat berminat tentang keputusannya dan mempercayai bahawa kamera itu boleh bersaing dengan model yang terkemuka daripada pesaingnya yang menjual dengan harga \$400.

Setakat ini, hanya dua unit XR71 sahaja telah disiapkan. Kos bahan mentah dua unit pertama berjumlah \$100, kos buruh langsung berjumlah \$2000 dan kos boleh ubah overhead kilang berjumlah \$1000.

Berdasarkan pengalaman yang lampau, pihak pengurusan mempercayai bahawa kos buruh dan kos boleh ubah overhead akan mengikut keluk pembelajaran sebanyak 80% jika pengeluaran adalah berterusan. Kos bahan akan kekal pada \$50 seunit. Lain-lain kos yang berkaitan dengan pengeluaran dan jualan XR71 termasuk overhead kilang tetap sebanyak \$20,000 setahun, belanja boleh ubah jualan dan pentadbiran sebanyak \$20 seunit dan belanja tetap jualan dan pentadbiran sebanyak \$15,000 setahun.

[AKU 403]

Pihak pengurusan percaya bahawa 256 unit setahun boleh dijual di dalam dua tahun yang akan datang jika XR71 dijual dengan harga \$400 seunit.

Dikehendaki :

1. Sediakan penyata-penyata pendapatan pro forma untuk setiap dua tahun yang akan datang. (Untuk keluk pembelajaran sebanyak 80%, $b = 0.32192$).
(13 markah)
2. Patutkah Lewis Lens mengeluarkan dan menjual XR71? Berikan alasannya.
(3 markah)

BAHAGIAN B

Soalan 3 (25 markah)

Consumer Products Inc. adalah salah satu pengeluar dan pengedar barangan tembakau yang terbesar di dunia. Tiga tahun yang lalu, sebagai satu langkah ke arah pelbagaian, dua pemilikan telah dibuat:

1. High-Life Beverage, syarikat bir utama
2. Maxwell Products, syarikat barangan makanan utama

Jadual di bawah menunjukkan maklumat mengenai hasil operasi, pendapatan operasi dan pelaburan aset-aset dalam setiap bahagian perniagaan Consumer Products Inc. untuk tempoh 1985 hingga 1987.

Maklumat Operasi (Dalam Juta)

	Bahagian Tembakau	Bahagian Bir	Bahagian Barangan Makanan	Consumer Products Inc.
Hasil Operasi:				
1985	\$ 9,000	\$ 3,200	\$ 8,000	\$ 20,200
1986	\$10,000	\$ 3,000	\$ 8,300	\$ 21,300
1987	\$10,500	\$ 2,900	\$ 8,600	\$ 22,000
Pendapatan Operasi:				
1985	\$ 1,620	\$ 224	\$ 608	\$ 2,452
1986	\$ 2,100	\$ 120	\$ 731	\$ 2,951
1987	\$ 2,625	\$ 87	\$ 675	\$ 3,387
Pelaburan aset-aset:				
1985	\$ 5,300	\$ 2,000	\$ 3,800	\$ 11,100
1986	\$ 5,700	\$ 1,800	\$ 4,300	\$ 11,800
1987	\$ 6,000	\$ 1,700	\$ 4,500	\$ 12,200

Sekim pampasan masa kini untuk eksekutif-eksekutif kanan merangkumi semua pengurus-pengurus kanan (kecuali presiden, ketua pegawai eksekutif dan ketua pegawai operasi Consumer Products Inc.). Jadual di bawah menunjukkan bilangan eksekutif kanan yang terlibat dalam sekim semasa:

Tahun	Bahagian Tembakau	Bahagian Bir	Bahagian Barangan Makanan	Jumlah
1985	280	80	140	500
1986	320	80	150	550
1987	350	75	175	600

Salah satu komponen yang penting sekim pampasan kini ialah hadiah bonos tahunan. Semua eksekutif kanan membahagikan sama rata jumlah bonos yang dikirakan sebagai 10% dari pendapatan tahunan lebihan (jika positif) Consumer Products Inc. Pendapatan lebihan didefinisikan sebagai pendapatan operasi Consumer Products Inc. tolak caj bunga sebanyak 14% ke atas pelaburan aset-aset Consumer Products Inc.

Dikehendaki :

1. Dengan menggunakan pendekatan Du Pont, terangkan perbezaan dalam tempoh dari 1985 sehingga 1987 mengenai keuntungan Consumer Products Inc. dan dalam setiap tiga bahagian secara individu.
(10 markah)
2. Kirakan saiz jumlah bonus tahunan yang akan dibahagikan oleh eksekutif-eksekutif kanan Consumer Products Inc. dalam setiap tahun dari 1985 sehingga 1987 di bawah sekim pampasan masa kini. Kirakan juga bonos tahunan yang akan dibayar kepada setiap eksekutif kanan dari tahun-tahun 1985 hingga 1987.
(5 markah)
3. Presiden Bahagian Tembakau telah mencadangkan bahawa jumlah bonus tahunan harus dikirakan untuk setiap bahagian secara berasingan. Kirakan bonos tahunan yang akan dibayar kepada setiap eksekutif kanan setiap bahagian dari tahun 1985 sehingga 1987 sekiranya lebih setiap jumlah bonus didefinisikan sebagai 10% dari pendapatan bahagian (jika positif). (Pendapatan lebih setiap bahagian didefinisikan sebagai pendapatan operasi bahagian tolak caj bunga sebanyak 14% ke atas pelaburan aset-aset bahagian tersebut). Komen tentang keputusan anda.
(6 markah)
4. Terangkan kebaikan dan kelemahan kepada Consumer Products Inc. tentang jumlah bonos atas pendapatan lebih syarikat tersebut secara keseluruhan berbanding dengan pendapatan lebih setiap bahagian.
(4 markah)

Soalan 4 (25 markah)

- (a) Syarikat Banned Johnson mengeluarkan sejenis produk yang mempunyai kos piawai seperti berikut:

Bahan mentah langsung (2 meter x \$2.50)	\$5.00
Buruh langsung (1/2 jam x \$2.00)	\$1.00
Overhed boleh ubah (1/2 jam x \$2.00)	\$1.00
Overhed tetap (1/2 jam x \$2.00)	\$1.00

Kos piawai seunit	\$8.00
		=====

...8/-

Kos overhed tetap seunit berasaskan kepada volum normal sebanyak 100,000 unit setahun.

Di dalam tahun 1987, 120,000 unit dikeluarkan dan 90,000 unit dijual. Data inventori dan kos pengeluaran sebenar bagi tahun 1987 ialah seperti berikut:

Inventori

Inventori mula bahan langsung	- 0 -
Inventori akhir bahan langsung	- 0 -
Inventori mula barang siap	- 0 -
Inventori akhir barang siap	?

Kos Pengeluaran

Bahan mentah langsung	\$660,000
Buruh langsung (62,000 jam)	\$116,000
Overhed boleh ubah	\$110,000
Overhed tetap	\$100,000

	\$986,000
	=====

Dikehendaki :

Tentukan baki Akaun Inventori Barang Siap dengan menggunakan setiap kaedah penilaian inventori berikut:

1. Pengekosan serapan sebenar
 2. Pengekosan variabel sebenar
 3. Pengekosan serapan normal (Andaian A)
 4. Pengekosan serapan normal (Andaian B)
 5. Pengekosan variabel normal (Andaian A)
 6. Pengekosan variabel normal (Andaian B)
 7. Pengekosan serapan piawai (Andaian A)
 8. Pengekosan serapan piawai (Andaian B)
 9. Pengekosan variabel piawai (Andaian A)
 10. Pengekosan variabel piawai (Andaian B)
- (18 markah)

Andaian A : Semua varians dihapuskan pada akhir tahun.
Andaian B : Semua varians dibahagikan mengikut nilai inventori dan kos barang dijual.

[AKU 403]

- (b) Seorang pengurus menggunakan kaedah regresi linear di dalam kajiannya tentang kos memperbaiki di kilangnya. Beliau memplotkan 24 titik yang mewakili kos memperbaiki bagi 24 bulan yang lalu dan membentuk garis anggaran linear dengan kaedah ganda dua terkecil. Beliau mendapat persamaan berikut daripadanya anggaran yang dilakukan:

Jumlah kos memperbaiki sebulan = $\$80,000 - \$0.50 x$

di mana x = masa mesin-mesin digunakan (jam).

Persamaan ini membingungkan pengurus itu sebab keputusan ini tidak logik. Nampaknya, kos memperbaiki itu makin berkurangan dengan bertambahnya penggunaan mesin-mesin. Dengan ini, pengurus itu memutuskan bahawa regresi adalah suatu kaedah yang tidak berfaedah.

- (i) Mengapa tertimbulnya koefisien regresi yang negatif?
- (ii) Apakah anda bersetuju dengan keputusan pengurus tersebut? Terangkan.

(7 markah)

Soalan 5 (25 markah)

- (a) Selepas beliau bersara dari kariernya sebagai olahragawati Olimpik, Saudari F. Joyner telah membuka beberapa pusat aerobik yang dinamakan Joyner Aerobics Centre di New York. Beliau mengambil tiga orang bekas olahragawan (Ben J., Carl L. dan Calvin S.) untuk bekerja sebagai pengurus di tiga daripada pusat-pusat aerobik tersebut. Ketiga-tiga pusat ini mempunyai peralatan yang identikal. Saudari Joyner menawar tiga kaedah bayaran bagi gaji mingguan mereka:

Kaedah X :

- Gaji asas - \$6.00 sejam
Bonus - Jika perbelanjaan sebenar tidak melebihi \$600 seminggu, bonus sebanyak 30 peratus berdasarkan kepada perbezaan di antara \$600 dan jumlah perbelanjaan sebenar akan diberikan.

...10/-

Kaedah Y :

Gaji asas - \$7.00 sejam
 Bonus - Tiada

Kaedah Z :

Gaji asas - Tiada
 Bonus - Jika perbelanjaan sebenar tidak melebihi \$600 seminggu, bonus yang diberikan ialah \$300 campur 10 peratus daripada perbezaan di antara \$600 dan jumlah perbelanjaan sebenar.

Ketiga-tiga pengurus telah memilih kaedah bayaran masing-masing sebelum memulakan pekerjaan mereka. Andaikan bahawa mereka bekerja sebanyak 40 jam seminggu. Maklumat mengenai perbelanjaan bagi enam minggu yang pertama bagi ketiga-tiga pusat ialah seperti berikut:

	Minggu					
	1	2	3	4	5	6
<u>Carl L.</u>						
Elektrik	\$250	\$250	\$250	\$250	\$250	\$250
Bekalan	180	20	20	260	100	20
Pembaikan	305	250	220	265	260	200
	----	----	----	----	----	----
Jumlah	\$735	\$520	\$490	\$775	\$610	\$470
	=====	=====	=====	=====	=====	=====
<u>Calvin S.</u>						
Elektrik	\$250	\$250	\$250	\$250	\$250	\$250
Bekalan	100	100	100	100	100	100
Pembaikan	250	200	265	220	260	305
	----	----	----	----	----	----
Jumlah	\$600	\$550	\$615	\$570	\$610	\$655
	=====	=====	=====	=====	=====	=====
<u>Ben J</u>						
Elektrik	\$250	\$250	\$250	\$250	\$250	\$250
Bekalan	100	100	100	100	100	100
Pembaikan	250	250	250	250	250	250
	----	----	----	----	----	----
Jumlah	\$600	\$600	\$600	\$600	\$600	\$600
	=====	=====	=====	=====	=====	=====

[AKU 403]

- (i) Apakah jumlah perbelanjaan bagi keenam-enam minggu untuk setiap pusat aerobik? (2 markah)
- (ii) Andaikan bahawa setiap pengurus memilih kaedah bayaran yang berlainan. Pada pendapat anda, kaedah manakah yang dipilih oleh Carl L., Calvin S. dan Ben J. Terangkan. (14 markah)
- (b) Syarikat Bubka menggunakan satu proses automatik untuk mengeluarkan sejenis galah yang bermutu tinggi. Pelanggan-pelanggan terdiri dari sejumlah besar olahragawan-olahragawan yang mengambil bahagian di dalam pertandingan lompat galah di seluruh dunia.

Sekiranya terdapat varians efisiensi bahan mentah yang besar, pemilik syarikat itu, Encik Bubka, perlu membuat keputusan samada hendak menyiasat proses tersebut. Data yang berkenaan ialah seperti berikut:

Kebarangkalian bahawa proses itu memerlukan pembedahan	5 peratus
Kos penyiasatan	\$ 2,400
Kos pembedahan (jika perlu)	\$10,000
Nilai kini jumlah kos yang boleh dijimatkan melalui pembedahan	\$40,000

1. Ringkaskan data tersebut di dalam satu jadual keputusan. (4 markah)
2. Andaikan bahawa pada bulan Oktober 1988, terdapat varians efisiensi bahan mentah yang besar. Apakah Encik Bubka patut menyiasat proses tersebut? (5 markah)

--oooo000oooo--